

Berpaling tadah jika tidak terpilih

Ada pemimpin ugut parti

BM 2/11/1980

Oleh MANJA ISMAIL
dan AHMAD ZABIDI HITAM

KUALA KLAUANG: Pemimpin Umno, khususnya wakil rakyat, perlu terus menyokong parti walaupun mereka mungkin digugurkan dalam pilihanraya umum nanti.

Presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata memang menjadi lumrah setiap pilihanraya, akan berlaku perubahan calon dengan beberapa wakil rakyat yang sudah lama berkhidmat digantikan.

"Sehubungan itu, sama ada calon Umno muka baru atau orang lama, mereka yang tidak terpilih jangan kecewa, sebaliknya terus memberi sokongan dan bekerja keras bagi memastikan kemenangan parti.

"Bagaimanapun, kita belum tahu berapa ramai (wakil rakyat) yang akan digugurkan kerana Umno belum membuat sebarang keputusan," katanya kepada pemberita selepas meletak batu asas stesen penyelidikan Mardi di Durian Tipus dekat sini, semalam.

Menanggapi krisis baru dalam MCA berikutan kemungkinan Presidennya, Datuk Dr Ling Liong Sik dicabar, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Saya tidak memberi perhatian kepada apa yang berlaku dalam MCA kerana itu adalah urusan MCA. Saya percaya MCA sudah matang dan boleh menyelesaikan masalah tanpa campur tangan saya."

Terdahulu itu, sewaktu menemui anggota BN Jelebu di Dewan Orang Ramai Teriang Hilir, Simpang Durian kira-kira 48 kilometer dari sini, Perdana Menteri berkata ada pemimpin Umno mengugut untuk menyertai parti lain jika tidak dicalonkan.

"Orang seperti ini tidak wajar dipilih kerana dia mementingkan diri sendiri. Kita jangan mementingkan siapa calon. Yang Denting calon itu ialah dari parti pemerintah iaitu BN.

"Ahli hendaklah mengikut apa yang dipushtuskan oleh parti. BN bukan mahukan kemenangan di Jelebu saja malah di seluruh negara dengan majoriti dua pertiga supaya dapat memerintah dengan cukup berkesan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir membidas sesetengah pemimpin Umno yang lebih senang berada 'di atas pagar' selepas bersara.

"Pemimpin berkenaan sepatutnya sedar bahawa penyertaan dalam Umno sebelum inilah membolehkan mereka menjadi pemimpin. Saya sendiri berjanji akan menyokong Umno walaupun bersara nanti."

Perdana Menteri juga menolak dakwaan Timbalan Presiden Semangat 46, Datuk Rais Yatim, bahawa BN mengamalkan politik cantas-mencantas